



UNDANG-UNDANG MURTAD DI MALAYSIA

INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY LIBRARY	
ORDER NO: 67/27 O L E R	LOCATION: DATE RECEIVED 17/12/91
ACC. NO: 128764	
ASHAARI HJ. MOHD. AYAZID G 911144 DAIJ 1991/92	

Kertas Projek ini dikemukakan kepada Fakulti Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa Bagi Memasuki Sebahagian Syarat Untuk Mendapatkan Diploma Undang-Undang Dan Panteddbiran Kehakiman Islam.

PENYELIA

PROF. DR. MAHMOOD SAEDON AWANG OTHMAN

FAKULTI UNDANG-UNDANG
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA
PETALING JAYA
SELANGOR DARUL EHSAN

D A F T A R I S I

Halaman

PENGHARGAAN	i
PENDAHULUAN	ii
BAB I DEFINASI, PERMASALAHAN DAN SEJARAH MURTAD	1
Sebab-Sebab Berlakunya Murtad	4
Perkara-Perkara Yang Menyebabkan Rossanya Iman Dan Islam	8
Syarat-Syarat Seh Murtad	23
BAB II PERUNTUKAN MURTAD DALAM AL-QURAN DAN SUNNAH SERTA SEJARAHNYA	30
Murtad Mengikut Perspektif Hadis Nabi SAW	37
Sikap Rasulullah SAW Terhadap Orang Murtad	42
Peristiwa Murtad Di Zaman Khulafa Al-Kamyidin	47
BAB III FAKTOR FAKTOR YANG MENYEBABKAN MURTAD	57
Unsur-Unsur Dalam	58
Beberapa Pandangan Mengenai Kee Murtad	60
Unsur-Unsur Luaran	69
Kesan Sejarah	86
Inggeris Dan Penyebaran Kristian	87
BAB IV HUKUM MURTAD DAN IMPLIKASINYA	92
Prosedur Penaibitan Murtad	107
Status Orang Murtad	109
BAB V UNDANG-UNDANG MURTAD DI MALAYSIA	113
Sejarah Awal Undang-Undang Murtad Di Malaysia	113
Implementasi Undang-Undang Murtad Di Malaysia Kini	116
Peruntukan Murtad Dalam Undang-Undang Keluarga	139
BAB VI PENUTUP - BEBERAPA CADANGAN PENILAIAN DAN KESIMPULAN	142
Perlengkapan Persekutuan	143
Tanggungjawab Kerajaan Persekutuan Dan Kerajaan Negeri	144
Sistem Kehakiman	145
Murtad Dan Kebebasan Beragama	146
Penutup	147

PENGHARGAAN:

Alhamdulillah, segala puji dan puja hanya sayangnya tertentu Kehedrat Allah SWT, Selawat dan Salem dipanjatkan ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, Nabi akhir zaman pembawa obor hidayah.

Bersyukur saya Kehedrat Allah SWT kerana dengan irader dan inayah-Nya saya dapat menyiapkan kertas projek ini.

Kertas Projek ini bertajuk Undang-Undang Murtad Di Malaysia, ianya disusun bagi memenuhi sebahagian daripada syarat bagi memperolehi Diploma Undang-Undang Islam dan Pendidikan Kehakiman Islam.

Saya mengambil peluang ini bagi merekamkan penghargaan kepada Penyelia saya Prof. Dr. Mahmood Seeden Awang Othman atas bimbingan dan tunjuk ejarnya hingga sempurnanya tulisan ini.

Penghargaan ini juga saya tujuken kepada Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Perak yang telah bersepadu memberikan peluang kepada saya bagi menyempurnakan Diploma ini. Juga tidak ketinggalan kepada Pihak JPA (Jabatan Perkhidmatan Awam) dan Pusat Islam di atas sumbangan mereka kepada projek ini. Sesosong dengan edanya program ini dan kesinambungananya akan meningkatkan lagi kewibawaan perswai-pejawai di Mahkamah Syariah Kelak.

Akhirnya saya berdoa agar segala amal kebaikan yang kita lakukan akan digantarkan pahala oleh Allah SWT.

Ashaari Bin Haji Mohd. Yezid
Pejabat Agama Deerah
31000 Betu Gajah
Perak Darul Ridzuan

6 Zulhijjah 1412
7 Jun 1992

PENDAHULUAN:

Murtad adalah merupakan persoalan yang besar yang perlu diselesaikan oleh umat Islam khususnya, pihak pemerintah. Murtad adalah termasuk ke dalam hukum hadd yang telah ditentukan hukumannya oleh syariat Islam.

Islam sebagai agama yang unggul telah menyiapkan penyelesaian kepada setiap persoalan. Tidak ada kekurangan yang tidak ditutup oleh Islam. Islam adalah agama yang enak dalam setengah perkara, tetapi teges di dalam setengah perkara.

Islam memberi kebebasan kepada umat manusia untuk memeluk Islam atau tidak. Tidak paksaan dalam beracara. Islam memberi kebebasan kepada manusia untuk memilih yang terbaik untuk mereka. Inilah keindahan Islam.

Kelambutan Islam tidak terhenti dinoktah itu sahaja. Islam menyediakan hukuman bunuh kepada seseorang yang murtad dari padanya. Disinilah letaknya ketegasan Islam. Sesungguhnya sebelum seseorang mengaku agama Islam mereka telah berfikir dengan sempakmasuk akan keuntungan dan risiko memeluk Islam. Oleh yang demikian bila mereka ini bertindak keluar dari Islam bererti mereka telah meninggalkan agama Islam Yang Paha Suci.

Tidak berasa yang lembut untuk pengkhianet. Mereka bukan saja mengkhianati Islam telah mereka juga mengkhianati Allah dan Rasul-Nya. Oleh kerana besarnya perkara murtad ini maka Al-Qur'an telah menyebut sebanyak 13 kali berkenaan murtad disamping Sabda-sabda Nabi SAW.

Murtad adalah jenayah yang tua. Bermula dengan Musailimah di zaman Khalifah Abu Bakar hingga ke zaman sekarang. Fenomenenya tidak henti-henti.

Undang-Undang mengenai murtad tidak disebut dalam Undang-Undang di Malaysia dalam bentuk penalti. Kekalainan dalam peruntukan Undang-Undang Keluarga, itupun hanya dalam bab cerai. Ini adalah suatu ruang kosong yang amat ketara yang telah (sengaja/tidak) ditinggalkan penggubal undang-undang.

Murtad adalah satu ciri pada undang-undang hudud yang ada dalam Islam. Jika jenayah-jenayah lain diberikan peruntukan sisa kader maka mengapa murtad ini diabebakan? Soalan ini harus ditjawab.

Tulisan ini hanya sekadar mengajak kita secara semikir dan cerunung beberapa persoalan murtad. Sesosong dengan renungan ini satu penyelesaian akan dapat diusulkan setu Undang-Undang Murtad akan dapat dipraktikkan. InsyaAllah kita akan dapat bersabar juga bila dipersoalkan di akhirat nanti, setelah usaha telah kita lakukan, kepada Allah juga kita berserah.

BAB I

DEFINASI, PERMASALAHAN DAN SEJARAH MURTAD

Orang-orang yang meninggalkan agama Islam dikatakan murtad. Ianya boleh terjadi sama ada dengan niat, kata-kata kufur atau perbuatan yang dilakukan sama ada dengan bergurau senda, atau inad (ingkar). Menurut Abu Bakar Jabir Al-Jazeiri, di antara orang yang termasuk dalam golongan murtad ialah orang Islam yang menjadi pengikut atheis dan komunis.

Murtad bermakna keubali kufur setelah Islam. Ijma' Ulema menyatakan bahawa seorang muslim yang ingkar kepada apa-apa yang ditetapkan oleh Allah s.w.t. adalah menjadi murtad, yakni kufur setelah Islam kecuali ianya benar-benar jahil. Tetapi sekiranya diberitahu dan ditegahkan hujah namun dia masih tetep dengan keingkerannya maka adalah dihukumkan kufur dan murtad.⁽¹⁾

Dalam Kitab Minhadz Zalibin, Imam Nawawi telah menyebutkan murtad ertiannya memutuskan Islam dengan sengaja kerana niat atau perkataan atau perbuatan yang mengkafirkannya, sama ada secara memperolok-olok atau menentang atau yang diiktigadkan.⁽²⁾

Riddah atau murtad ertinya berbalik menjadi kafir setelah berugama Islam dan orang yang melakukan demikian dinamakan murtad.⁽³⁾

Dari definisi yang diberikan di atas nyataleh bahawa perkataan murtad adalah merupakan pertukaran agama yang dilakukan oleh orang Islam. Walaupun begaimanapun perbustan ini boleh berlaku dengan berbagai-bagai cara dan kadang-kadang dalam keadaan tidak sadar.

Murtad terjadi hanya pada mereka yang wares, iaitu mereka yang beligh, berakal dan dengan ikhtiar (tidak dipaksa). Kanak-kanak, orang gile atau orang yang dipaksa tidak seharusnya biarpun ia melakukannya perkara-perkara yang boleh menyebabkan seseorang itu murtad.

Dari tekrif yang diutarakan juga menjelaskan kepada kita bahawa mereka yang enggan mengerjakan apa-apa yang disuruh oleh Allah S.W.T. seperti sembahyang, zekat, puasa atau haji boleh dikatakan murtad endaiinya mereka mensafikan tugasnya menjadi tanggungjawab mereka. Oleh yang demikian seseorang yang tidak mengerjakan suruhan wajib hanya kerana meles padahal ia akur dengan kewajipan kedua-dua ibadat tersebut, maka ia tidak dihukumkan dengan murtad.

Begitu juga dengan seseorang yang melakukan perbuatan yang ditegah atau dilarang oleh Allah S.W.T seperti berjudi, berzina, meminum minuman yang memabukkan dan sebagainya tidaklah dikatakan murtad sekiranya ia sedar bahawa larangan masih berkuatkuasa ke atas dirinya.

Peristiwa murtad ulung dalam sejarah Islam terjadi dengan kematian Beginda Rasulullah (SAW). Golongan yang romai murtad terdiri daripada mereka yang baru memeluk Islam. Murtad juga berlaku di kalangan mereka yang telah lama memeluk Islam tetapi tidak mempelajari Islam, terutamanya orang-orang Bedwi yang jauh dari Madinah. Mereka terbiasa dan tidak beriman, oleh itu mudah menjadi murtad seperti Firman Allah (SWT):-

حَالْتُ الْأَعْدَابَ إِمْرَا. قُلْ لَمْ تَفْهَمُوا وَلَكِنْ قُولُوا
إِسْلَامًا وَلَا يَدْخُلُ الْدِيَنَ فِي خَلْقِكُمْ، وَإِنْ
تَطْبِعُوا اللَّهُ وَرَسُولُهُ لَا يَلْتَكُمْ مِنْ أَعْمَالِكُمْ شَيْئًا.
إِنَّ اللَّهَ عَفُوٌ رَّحِيمٌ .

Maknaunya: Orang-orang Bedwi itu berkata, kami telah beriman, katakanlah (kepada mereka): Kemu belum beriman, tetapi ketakanlah, kami telah tunduk. Kerana iman itu belum masuk dalam hati kamu, dan jika kamu taat kepada Allah dan resul-Nya, Dia tidak mengurangi sedikit pun amalanmu. Besudahnya Allah amat Pengampun lagi Penyayang.

SEBAB-SEBAB BERLAKUNYA MURTAD

Murtad boleh berlaku oleh beberapa sebab seperti dengan niat, perkataan atau perbuatan seseorang.

Berniat atau bercita-cita ingin keluar dari Islam (menjadi kafir), seperti berniat hendak jadi Kristian, bierpun niat itu dikaitkan dengan masa tertentu, misalnya: Esok hari, minggu depan dan sebagainya, ataupun niat keluar Islam dengan bersandarkan kepada sesuatu, seperti seseorang yang mengancam hendak keluar dari Islam kalau apa yang dituntutnya tidak dipenuhi, ataupun seseorang yang memohon hendak menukar nama kepadanya Kristian di pejabat tertentu kerana dia ingin menukar nama kepadanya keadaan tersebut.

Begitu juga hukumnya dengan seseorang yang menemui pegawai-pejawai tertentu meminta nasihat dengan menyatakan niatnya hendak keluar dari agama Islam. Mereka dihukum sebagai murtad kerana pada hati mereka ada niat untuk keluar dari agama Islam.

Murtad juga boleh terjadi bila seseorang itu beriktigad atau berkeyakinan bahawa agama lain seperti agama Kristian yang telah diubahsuai, betul

disisi Allah, biarpun dia masih mengakui yang agama Islam itu agama yang sebenarnya. (4)

Perkataan yang disebut dengan sengaja atau perkataan-perkataan yang bertentangan dengan hukum-hukum Islam, sama ada perkataan atau perkataan-perkataan tersebut berkeitan dengan hukum ibadah, tauhid dan lain-lain. Perkataan atau perkataan itu hendaklah jelas ataupun boleh ditefsirkan sebagai perkataan atau perkataan-perkataan yang boleh menjadikan seseorang itu murtad seperti mengatakan Allah itu berjasa.

Murtad boleh terjadi apabila seseorang itu menafikan adanya Allah, menafikan Allah SWT itu pencipta alam, atau menafikan kerasulan 25 orang resul yang wajib diketahui oleh setiap orang Islam, dan juga mendustakan risalah resul-resul tersebut.

Murtad juga boleh terjadi jika seseorang itu menghalalkan sesuatu yang diharamkan sesuatu yang halal seperti berjual beli yang nyata, kahwin dan lain-lain lagi.

Orang yang ingkar terhadap sesuatu hukum yang nyata, yang diputuskan oleh Ijmaek Ulemaek, seperti mengurangkan satu rakaat sembahyang daripada rakaat-rakaat sembahyang yang lima waktu, atau melebihkan

satu rakaat deripada rakaat-rakaat yang telah ditetapkan dalam sembahyang, juga dikatakan murtad.

Menurut Abdul Kadir Audah, murtad boleh terjadi kerana keengganan melaksanakan hukum-hukum yang telah ditetapkan oleh syariat dan digantikan dengan undang-undang ciptaan manusia kerana asal kedudukan hukum dalam Islam mestilah berdasarkan kepada ketetapan Allah. Hukum lain adalah diharamkan.⁽⁵⁾

Seseorang yang sujud kepada berhala, mataheri, bulan dan sebagainya dibukum murtad. Begitu juga, jika seseorang itu rukuk kepada yang lain deripada Allah dengan niat membesarakan objek tersebut sama seperti membesarakan Allah. Jika tiada niat membesarakan objek itu sama seperti membesarakan Allah maka perbuatan tersebut adalah haram.

Perbuatan menundukkan kepala kepada had sekurang-kurangnya rukuk, yang dilakukan sebagai adat kebiasaan, adalah meluruh. Maksudnya had sekurang-kurangnya rukuk di sini ialah perbuatan menundukkan kepala itu dilakukan sekedar kedua belah tepak tangan mencapai kedua lutut bagi orang yang sederhana ukuran badannya.

Walaupun banyak perbuatan yang menyebabkan seseorang itu murtad, tetapi seseorang itu tidak dihukum murtad sekiranya dia terpaksa mengerjakan perbuatan tersebut atau menyebut perkataan-perkataan itu pada hal hatinya tetapi beriman kepada Allah SWT.⁽⁶⁾

Seseorang itu boleh terkeluar daripada Islam disamping same ada melakukan perkara itu dengan sengaja atau untuk menghina Islam atau kerana keras kepala atau sombong dan takabbur, seperti sujud menyembah berhala atau matohari, bulan dan bintang dan seperti membuang al-Quran dan Kitab-Kitab Hadis di longkang-longkang. Begitu juga dengan melakukan perkara-perkara yang diharapkan beserta dengan menghalalkan perbuatan itu seperti seorang yang melakukan zina dengan ikhtisas bahawa perbuatan itu tidak diharapkan. Oleh yang demikian barang siapa yang mengiktisasakan sesuatu itu halal sedangkan ia telah diijinkan tentang kerannya boleh menjadi kafir dan murtad.

Begitu juga sesuatu yang telah diketahui oleh masyarakat kaum muslimin seperti kerannya degging babi, arak, zine dan sebagainya, maka perbuatan seperti itu tidak syak lagi boleh menyebabkan kufur dan murtad. Akan tetapi seseorang yang melakukan

perkara-perkara yang diharamkan oleh syarak sedangkan dia tidak mengetahui tentang pengharamannya maka dia tidak boleh dianggap sebagai murtad. Sebaliknya jika dia mengulangi perbuatan haram itu selepas mengetahui haramnya maka dia dianggap telah kefir. Tetapi jika dia melakukannya perbuatan yang diharamkan sedangkan dia tidak menghalalkannya, maka dia hanya dikira sebagai orang yang derhaka ('ssi) dan tidak sampai kepada kefir.

PERKARA-PERKARA YANG MENYEBABKAN ROSAKNYA IMAN DAN ISLAM

Parkera-perkara yang menyebabkan rosaknya iman dan Islam itu terbahagi kepada tiga bahagian:-

Bahagian Pertama:

Iktiqad kepercayaan yang bertentangan dengan dasar-dasar Islam, iaitu;

1. Iktiqad bahawa alam ini qadim, tidak ada penciptanya, atau alam ini kekal selama-lamanya.
2. Iktiqad bahawa pencipta alam ini baharu, atau menyerupai manusia-jenis makhluk atau bersifat dengan sifat-sifat baharu atau mempunyai anak, isteri, atau berbilang-bilang atau menerima mati.

3. Iktiqad menafikan kebenaran apa yang disampaikan oleh Rasul (SAW) atau iktiqad bahawa Nabi Muhammed SAW yang sebenar ialah yang disebutnya Muhammed yang batin bukan Muhammed yang zahir, atau iktiqad bahawa kerasulan Nabi Muhammed SAW hanya untuk orang-orang Arab sahaja, atau iktiqad bahawa hukum-hukum Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammed SAW ialah hukum-hukum lepuk yang tidak sesuai dengan keadaan zaman, atau iktiqad mengingkari manusia resul Tuhan, atau iktiqad bahawa ada lagi Nabi dan Rasul yang lain yang diutus oleh Allah membawa syariat sesudah Nabi Muhammed SAW.
4. Iktiqad bahawa tidak ada dosa dan pahala, tidak ada syurga dan neraka, tiada bangkit hidup semula sesudah mati, tidak ada hari akhirat dan segala perkara yang berlaku padanya.
5. Iktiqad bahawa roh orang-orang mati berpindah-pindah dari satu tubuh kesatu tubuh yang lain.
6. Iktiqad agama kafir lebih baik dari agama Islam.
7. Perasaan ragu-ragu terhadap manusia-susila dari perkara-perkara yang tersebut di atas.

8. Berbalik-balik hati di antara hendak menjadi kafir pada masa yang akan datang. (7)

Bahagian Kedua:

Perkataan, iaitu tiap-tiap perkataan yang mencaci, menghinai, merendah-rendah, mengejek-ngejek dan mempermain-mainkan nama Allah, sifat-sifat-Nya, malaikat-malaikat-Nya, rasul-rasul-Nya, kitab-kitab-Nya, ayat-ayat-Nya dan hukum-hukum-Nya serta hukum-hukum yang diterangkan oleh rasul-Nya.

Dan juga perkataan yang menolek, menafi dan mengingkari segala perkara yang sekata alim ulamak mensebitkannya atau menafikannya serta diketahui oleh orang ramai bahawa perkara itu dari agama.

Misalnya seperti ketanya mengenai nama-nama hukum Islam:-

1. Hukum apa ini?
2. Hukum ini sudah lepuk.
3. Zaman sekarang tak patut diheramkan riba, kerana menghalang kemajuan.
4. Dalam zaman yang serba maju ini kaum wanita tak perlu dibungkus-bungkus.

5. Berzina kala suka sama suka salah haronya.
6. Minum arak kala tujuen hendak menyibatkan badan untuk beribadat apa salahnya.
7. Berjudi kala masing-masing sudah rela menerima untung ruginya apa salahnya.
8. Kala hendak sangat menurut hukum-hukum Islam sampai qiamat kita tak maju.
9. Berkata: Perbuatan yang demikian tidak berada apabila diceritakan bahawa Nabi Muhammed SAW selepas makan menjilat sisa makanan dijariinya.
10. Berkata: Aku tak mahu memotong kuku sekalipun Sunnah - apabila diberitahu bahawa memotong kuku itu adalah Sunnah.
11. Berkata: Si anu sudah mulai menyalak - semasa ia mendengar azannya.
12. Membaca ayat-ayat suci, hadis nabi dan nama-nama Tuhan dengan cara mempersenda dan mempermainkannya.
13. Kata mengkefirkan sesaorang Islam, pada hal orang itu tidak diyakini ada padanya suatu sebab yang menjadikannya kafir. (8)

Bahagian Yang Ketiga:

Perbuatan, iaitu:-

1. Tiap-tiap perbuatan yang dilakukan untuk menghormati dan mengagungkan maha-maha makhluk dengan cara yang ditentukan hanya untuk membesar dan mengagungkan Allah, seperti sujud kepada makhluk walaupun dengan tidak niat untuk menghormatinya sama seperti Tuhan, atau tunduk kepada maha-maha makhluk sehingga sampai kepada hal sekurang-kurang rukuk sembahyang dengan tujuan menghormatinya seperti menghormati Allah, kalaupun tidak dengan tujuan itu maka tidaklah menjadikan orang yang melakukan itu murtad, tetapi hukumnya tetap haram.
2. Melakukan apacara ibadat terhadap sesuatu makhluk yang disembah oleh orang-orang kafir menurut upacara yang mereka lakukan.
3. Melakukan maha-maha cara ibadat terhadap yang lain dari Allah SWT.
4. Meletakkan ayat-ayat suci, hadis-hadis nabi, nama-nama Tuhan, resul-resulnya, malaikatnya dan ilmu-ilmu agama di tempat najis atau kotor dengan tujuan menghinanya dan merendah-rendahkannya, kalaupun tidak dengan tujuan yang tersebut maka hukumnya tetap haram.

Demikian juga harapnya menggunakan kertas-kertas yang tertulis padanya ayat-ayat suci, hadis-hadis Nabi dan nama-nama Allah serta ilmu agama untuk membungkus, mengesat serta menyapu sesuatu, tetapi kelau perbuatan yang dilakukan itu dengan tujuan menghina atau mempersende-sendaken maka orang yang melakukan itu menjadi murtad.

5. Meninggalkan Sembahyang:

Orang yang meninggalkan sembahyang fardhu, jika ia ingkarakan wajibnya, jadilah ia kafir murtad keluar dari agama Islam, kerana ia mengingkari satu perkara yang memang diketahui oleh orang ramai bahawa perkara itu adalah satu perkara wajib di atas tiap-tiap orang Islam, selama hayatnya sihat. (9)

Al Ustaz Said Hawa⁽¹⁰⁾ pula telah menulis 20 perkara yang menyebabkan rosak dua kelimah syahadah atau sebab seseorang Islam itu menjadi murtad iaitu:-

1. Bertawakkal atau bergantung selain deripada Allah berdasarkan Firman Allah:

وَعَلَى اللَّهِ قَدْرُكُمْ إِنْ كُنْتُمْ حَوْلَهُينَ

Maksudnya: Dan hanya kepada Allah hendak kamu bertawakkal jika kamu bener-bener orang yang beriman.
(al-Maidah: 23)

2. Tidak iktiraf bahawa nikmat itu datangnya dari Allah, baik zahir atau batin, baik kebendaan atau bukan kebendaan, Allah berfirman:

وَمَا تُفْرِدُوا بِنَفْتَهُ اللَّهُ لَرَأْخْفَضَهَا إِنَّ الْإِنْسَانَ
لَكَلِّ فِعْلٍ مُّكَافَرٌ .

Maksudnya: Dan sekiranya kamu menghitung nikmat Allah tidaklah kamu dapat menghitungnya, sesungguhnya manusia itu sangat zalim lagi sangat mengingkarinya.

- (Ibrahim: 34)

3. Bekerja (beramal dengan tujuan selain daripada Allah. Berdasarkan Firman Allah:

عَلَيْكُمْ أَنْ تَحْلِمُوا وَتُنْسِكُوا وَمَنْيَارَى وَعَانِي
لِلْجَنَّةِ الْعَالَمِينَ .

Maksudnya: Katakanlah sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku, dan matiku hanya untuk Allah, Tuhan sesatu alem. - (al-An 'am: 162)

Diantaranya ialah bekerja untuk menegakkan kebangsaan, dan menjadikan kebangsaan itu sebagai metamer utama, berperang kerana kebangsaan, memimpin supaya orang menyokong dan percaya kepada kebangsaan serta menanamkan perasaan fanatik kebangsaan. Begitu juga bekerja semata-mata kemajuan negara adalah syirik.

4. Memberi kuasa menyuruh dan melaung, menentukan halal dan haram, menggubel undang-undang dan melaksanakan selain dari Allah.

أَكْلَهُ أَنْفُسُهُ وَالْأَمْمُ

Maksudnya: Sesungguhnya serba hukum itu mestalah dari Allah. - (al-A'raf: 54)

5. Menteati selain dari Allah tanpa izinnya, kerana makna sebagaimana yang kita meklum ialah, tidak ada yang kita petuhui selain daripada Allah. Taat yang disukai ialah kepada Rasul-Nya, kerana seseorang yang mentaati Rasul-Nya bererti dia mentaati Allah:

مَنْ يُطِعِ الرَّسُولَ فَقَدْ أَطَاعَ اللَّهَ

Maksudnya: Siapa yang mentaati Rasul-Nya sesungguhnya dia mentaati Allah.

6. Menghukum dengan lein dari hukum yang diturunkan oleh Allah atau tidak merujukkan kepada hukum Allah dalam satu perkara. Allah SWT berfirman:

وَمَنْ لَمْ يَحْكُمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ
فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّاجِرُونَ

Maksudnya: Dan siapa yang tidak menghukum menurut apa yang diturunkan oleh Allah, maka mereka itu adalah orang-orang kafir. - (al-Maidah: 44)

7. Benci sesuatu perkara dari Islam atau benci kepada Islam semuanya. Firman Allah:

وَالَّذِينَ كَفَرُوا فَنْعَلُهُمْ وَأَمْلَأُهُمْ أَعْمَالَهُمْ
نَّكَرْتُ بِاَنَّهُمْ رَهْقَنَ مَا اَنْزَلَ اللَّهُ فَاجْبَطْهُ أَعْمَالَهُمْ

Maksudnya: Dan orang-orang kafir maka celakalah bagi mereka dan Allah menyesatkan amalan-amalan mereka. Yang demikian itu kerana sesungguhnya mereka benci tentang apa yang diturunkan oleh Allah lalu Allah hapuskan amalan-amalan (pehala) mereka.

- (Muhammad: 8-9)

8. Mencintai kehidupan dunia melebihi kepada kecintaan akhirat, dan menjadikan dunia ini sebagai matlamatnya yang unggul. Firman Allah:

وَوَيْلٌ لِّلْكَافِرِينَ مِنْ عِنَابٍ شَدِيدٍ، الَّذِينَ
يُسْخِبُونَ الْحَيَاةَ الدُّنْيَا عَلَى الْآخِرَةِ وَيَهْجِرُونَ
عَنْ سَبِيلِ اللَّهِ وَيُبَغْوِنُهَا عَوْجًا اَوْ لَئِكْ فِي
ضَلَالٍ بَعِيدٍ (ابراهيم: ٢ - ٣)

Maksudnya: Kecelakaan bagi orang-orang kafir, kerana kesiksaan yang amat pedih, (isitu) orang-orang yang lebih menyukai kehidupan dunia dari kehidupan akhirat, dan menghalang (manusia) dari jalan Allah dan menginginkan agar jalan Allah itu bengkok, mereka itu berada dalam kesesatan yang jeuh.

9. Menghina sesuatu dari pada Kitab atau al-Sunnah atau orang-orang alim yang mempertahankan kedua-duanya atau manusia-hukum Allah, atau manusia-syiar dari syiar-syiar Allah.

Firman Allah:

يَحْذِرُ الظَّانُونَ أَنْ تَنْزَلَ عَلَيْهِمْ سُورَةٌ
تُسْتَهِنُ بِمَا فِي قُلُوبِهِمْ قُلْ أَسْتَهِنُ فِي أَنَّ اللَّهَ
يُخْرِجَ مَا يَخْرُجُونَ وَلَئِنْ سَأَلْتُمُ لِيَقُولُنِي أَنَّا
كُنَّا نَعْمَلُ وَنَلْوَبُ قُلْ إِنَّ اللَّهَ وَإِنَّ رَسُولَهُ
كُنْتُمْ لَسْتَهِنُونَ لَا تَعْتَدُوا فَدُكْفُرَتِي بِعِدَّةٍ
(يَسَّرَكُمْ، أَنْ نَعْفُ عَنْ طَائِفَةٍ مِّنْكُمْ نَعْذِبُ طَائِفَةً
بِأَنَّهُمْ كَانُوا بِرَمِينَ (النَّفَّيْةَ: ٢٤ - ٢٥)

Maksudnya: Orang-orang yang munafik itu takut akan diturunkan terhadap mereka sesuatu surah yang menerangkan apa yang terselubungi dalam hati mereka. Ketakutannya kepada mereka: Teruskanlah ejekan-ejekan (terhadap Allah dan Rasul-Nya), sesungguhnya Allah akan menyatakan apa yang kamu takuti itu. Dan jika kamu tanyakan kepada mereka (tentang apa yang mereka lakukan itu) tentulah mereka akan menjawab: Sesungguhnya Kami hanya bersenda gurau dan bermain-main sahaja. Ketakutannya: Apakah dengan Allah, ayat-ayatnya dan rasulnya kamu selalu berolok-olok? Tidak usah kamu minta maaf, kerana kamu kefir se-sudah beriman. Jika Kami memerlukan segolongan dari pada kamu (lantaran mereka tebus), nescaya Kami akan mengesab golongan (yang lain) disebabkan mereka adalah orang-orang yang selalu berbuat dosa.

10. Menghalal atau memberi memberi jalan untuk menghalalkan apa yang diharapkan oleh Allah dan mengharapkan apa yang dihalalkan oleh Allah. Firman-Nya:

إِنَّمَا يُفْتَنُ إِنَّمَا يُفْتَنُ
الَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ
بِآيَاتِ اللَّهِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْكَاذِبُونَ

Ertinya: Sesungguhnya yang mengada-ngadakan kebohongan hanya orang-orang yang tidak beriman kepada ayat-ayat Allah, dan mereka itulah orang-orang pendusta. - (an-Nahl: 105)

11. Tidak beriman kepada semua nes-nas al-Qur'an dan al-Sunnah yang tetap datengnya dari Rasulullah SAW:

أَنْهُمْ مِنْ بَعْضِ الْكَافِرِ وَلَكُفُورٌ بِعِصْنِيٍّ فَمَا
بِنَا مِنْ يَفْعُلُ ذَلِكَ سُنْنَكُمُ الْأَخْرَى فِي الْحَيَاةِ
الْدُّنْيَا وَيَوْمُ الْقِيَامَةِ يَرَوُنَ إِلَى أَسْدِ الْعَذَابِ
وَمَا اللَّهُ بِغَاوٍ عَمَّا تَعْمَلُونَ

Maknudnya: Apakah kamu beriman kepada sebahagian al-Kitsab (Taurat) dan ingkar terhadap bahagian yang lain? Tidaklah alesan bagi yang berbuat demikian daripadamu, melaikin kesesatan dalam kehidupan dunia, dan pada hari Qiamat mereka dikembalikan kepada siksa yang sangat berat, Allah tidak lupa daripada apa yang kamu lakukan. - (al-Baqarah:85)